Pada akhir tahun 2005, sebanyak 370 syarikat pemajakan dan 35 syarikat pemfaktoran telah mendaftar dengan Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, hanya 126 syarikat pemajakan dan 21 syarikat pemfaktoran telah mengemukakan statistik tentang operasi mereka kepada Bank Negara Malaysia. Jumlah aset bagi 126 syarikat pemajakan dan 21 syarikat pemfaktoran masing-masing sebanyak RM17.5 bilion dan RM8.0 bilion pada akhir tahun 2005. Walau bagaimanapun, daripada 126 syarikat pemajakan, hanya 23 sahaja syarikat pemajakan tulen, manakala daripada 21 syarikat pemfaktoran, hanya lapan sahaja syarikat pemfaktoran tulen. Selebihnya merupakan syarikat yang hanya menjalankan perniagaan pemajakan dan pemfaktoran sebagai sebahagian daripada keseluruhan aktiviti perniagaan mereka.

Jadual A.71
Syarikat Pemajakan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun				
	2001	2002	2003	2004	2005
	RM juta				
Sumber					
Modal dan rizab	839	770	1,554	1,017	1,018
Peminjaman daripada institusi kewangan	1,923	2,141	1,759	1,816	1,985
Peminjaman antara syarikat	1,343	1,454	1,375	605	1,001
Lain-lain	2,400	2,684	2,342	2,095	2,139
Jumlah	**6,505**	**7,049**	**7,030**	**5,533**	**6,143**
Kegunaan					
Wang tunai dan baki bank	229	225	198	157	106
Pelaburan	309	323	387	327	309
Bayaran akan diterima	3,014	3,118	2,370	2,180	2,860
Pemajakan	*1,423*	*1,420*	*1,508*	*1,487*	*1,539*
Pemfaktoran	*17*	*209*	*204*	*101*	*93*
Sewa beli	*1,275*	*1,307*	*503*	*453*	*1,077*
Lain-lain	*299*	*182*	*155*	*139*	*151*
Lain-lain	2,953	3,384	4,074	2,869	2,867

[1] Statistik yang ditunjukkan adalah bagi syarikat pemajakan tulen sahaja